

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL**  
**[ KANGAR ]**  
**TARIKH** : **19 JUN 2014 ( KHAMIS )**  
**SOALAN** :

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh manakah Program Home Help yang menyasarkan penyertaan golongan sukarelawan di setiap kawasan Parlimen bagi membantu golongan yang kurang upaya bakal dilaksanakan di semua kawasan parlimen .

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited untuk memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan orang kurang upaya (OKU) terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau yang tinggal bersama ahli keluarga tetapi memerlukan khidmat nasihat serta pertolongan penjagaan.

Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*) pada tahun 2012. Program ini yang dilaksanakan oleh sukarelawan yang berdaftar dengan JKM merupakan perkhidmatan pendampingan sosial (*social outreach*) kepada dua kumpulan sasaran iaitu OKU dan warga emas. Sukarelawan terbabit memberikan perkhidmatan seperti berikut :

- Menata rias (*grooming*);
- Menjadi rakan berbual;
- Mengemas atau membersihkan tempat tinggal dan persekitaran;

- Membasuh, menyidai dan melipat pakaian;
- Membuat pembayaran bil dan membeli keperluan harian;
- Memberi khidmat kaunseling ;
- Memberi latihan praktikal tentang teknik-teknik penjagaan kepada penjaga;
- Memberi galakan dan latihan praktikal ke arah gaya hidup sihat;
- Membawa ke hospital atau klinik untuk tujuan rawatan dan mengambil ubat; dan
- Menemani warga emas atau OKU ke tempat beribadat.

Sasaran yang telah ditetapkan untuk dicapai pada penghujung tahun 2015 adalah penglibatan sekurang-kurangnya 10 orang sukarelawan di setiap kawasan Parlimen yang memberi perkhidmatan kepada sekurang-kurangnya 20 orang klien. Ini bermakna pada penghujung tahun 2015 Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*) bakal mempunyai 2,220 orang sukarelawan dan 4,440 orang klien.

Sukacita saya nyatakan di sini bahawa hingga bulan April 2014 Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*) telah pun mempunyai 1,716 orang sukarelawan. Walaupun bilangan sukarelawan belum mencapai sasaran yang ditetapkan, namun KPWKM telah pun melepasi sasaran jumlah klien yang mendapat manfaat daripada program ini. Sebagai makluman, seramai 4,883 orang telah menerima manfaat daripada Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*).